

**Pemuda Umno Sokong Najib, Muhyiddin Kekal Jawatan Tertinggi Parti  
Bernama  
6 June, 2013**

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Pemuda Umno menyokong cadangan jawatan presiden dan timbalan presiden parti tidak dicabar pada pemilihan parti akhir tahun ini.

Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin berkata sayap Umno itu berpendapat Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak dan timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin adalah gandingan paling layak untuk mengetuai parti.

"Kedua-dua mereka perlu dikekalkan untuk meneruskan usaha transformasi dan memperkukuh lagi Umno, termasuk untuk menghadapi pilihan raya umum (PRU) akan datang," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pemuda Umno di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini Khamis.

Walaupun menyokong supaya kedua-dua jawatan tertinggi parti itu tidak dicabar, beliau menarik perhatian Pemuda Umno tetap menghormati proses demokrasi dalam parti yang telah diperkukuhkan menerusi pindaan perlembagaan.

Khairy, yang juga Menteri Belia dan Sukan, berkata keputusan PRU13 membuktikan Umno merupakan tunjang kepada kekuatan Barisan Nasional (BN) menerusi 88 kerusi parlimen yang dimenangnya.

Prestasi Umno pada PRU13 itu adalah lebih baik daripada pilihan raya umum pada 2008, katanya.

"Oleh itu, adalah lebih penting untuk kita terus berusaha memperkukuhkan Umno dan memastikan ia memperoleh keputusan lebih baik pada PRU14 dan tidak terlibat dengan masalah dalaman parti," tegasnya.

Beliau berkata Pemuda Umno juga sebulat suara mengambil ketetapan tidak menyokong cadangan sesetengah pihak yang mahukan BN menjadi sebuah parti tunggal.

Umno, katanya, perlu terus menjadi parti yang mewakili anggotanya dan bangsa Melayu.

Dalam sidang media berasingan, Naib Ketua Pemuda Umno Datuk Razali Ibrahim berkata pergerakan itu mahu Khairy mengekalkan jawatannya sebagai ketua Pemuda Umno.

"Kita (anggota Exco Pemuda Umno) sepakat mahukan Khairy bertanding sebagai Ketua Pemuda Umno pada pemilihan parti akhir tahun ini," katanya sambil menambah beliau sendiri tidak akan mempertahankan jawatan sebagai naib ketua Pemuda.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=954532>